

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN
DARIPADA : YB DR. MICHAEL JEYAKUMAR DEVARAJ
[SUNGAI SIPUT]
SOALAN :**

YB Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan sama ada kadar penyakit gastroenteritis di kalangan masyarakat Selangor telah meningkat semasa masalah kekurangan air di Selangor pada bulan Jun-Ogos 2014. Adakah terdapat kes pesakit-pesakit gastroenteritis yang telah meninggal dunia di Selangor dalam tempoh 3 bulan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua,

Semasa masalah kekurangan air di Selangor pada bulan Jun sehingga Ogos 2014, secara umumnya terdapat peningkatan kes di daerah-daerah yang terlibat. Walau bagaimanapun, hanya Daerah Hulu Selangor sahaja yang ada melaporkan wabak *acute gastroenteritis* (AGE) disebabkan bakteria *E.coli*. Kejadian berlaku di sebuah pusat pengajian semasa giliran catuan air di situ. Ia melibatkan 70 orang pelajar. Kesemua kes sembuh tanpa komplikasi.

Faktor kejadian berkemungkinan disebabkan oleh:

- i. kakitangan tidak terlatih sepenuhnya untuk menjalankan proses pengklorinan. Kandungan klorin yang kurang dalam bekalan air boleh menyebabkan AGE. Loji air yang merawat sumber air adalah milik persendirian; dan
- ii. Sumber air ke loji diperolehi dari sungai. Keadaan kemarau akan menyebabkan ketepuan kandungannya termasuk mikroorganisma meningkat secara relatif. Ia menyumbang kepada pencemaran air.

Umumnya, Kementerian telah mengeluarkan kenyataan semasa musim catuan air itu mengingatkan penduduk yang terjejas supaya:

- i. Sentiasa minum air yang telah dimasak atau minum air yang dibotolkan;
- ii. Sentiasa mencuci tangan sebelum makan dan selepas keluar dari tandas;
- iii. Elak makan sayur segar yang tidak dicuci terlebih dahulu; dan
- iv. Jika mempunyai tanda-tanda seperti cirit-birit atau muntah sila berjumpa doktor dengan segera.

JAWAPAN SOALAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT

**PERTANYAAN BERTULIS : DR. LEE BOON CHYE [GOPENG]
DARIPADA**

JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PENDIDIKAN MALAYSIA

PERTANYAAN BERTULIS

Dr. Lee Boon Chye [Gopeng] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan bilangan sekolah antarabangsa dan jumlah murid yang belajar di sekolah tersebut.

JAWAPAN

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

Sehingga 31 Oktober 2014, terdapat 101 buah sekolah antarabangsa di seluruh negara. Jumlah murid yang belajar di sekolah antarabangsa adalah 45,049 orang murid dengan 25,013 pelajar warganegara dan 20,036 murid bukan warganegara.